

cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

[Singapura](#)

Anggota Kelab Minda Muda berusaha sendiri pikat ahli baru

KELAB Minda Muda (YMC) kendalian Kelab Mendaki akan mengadakan majlis menyambut anggota baru esok, di auditorium Singapore Post, dekat stesen MRT Paya Lebar.

Buat julung-julung kali, majlis itu, yang bertujuan menarik pelajar menengah satu Melayu/Islam menyertai YMC, dianjurkan sepenuhnya oleh anggota kelab itu.

Seramai 157 pelajar Melayu/Islam yang tergolong dalam kumpulan 15 peratus pelajar terbaik dalam Peperiksaan Taman Sekolah Rendah (PSLE) tahun lalu akan menyertai YMC.

Kelab itu dibuka kepada pelajar Melayu/Islam berusia 13 hingga 16 tahun dan bertujuan membangunkan perwatakan dan memupuk semangat sukarelawan dalam diri mereka. Seramai 434 pelajar telah memanfaatkan pelbagai aktiviti YMC menerusi bengkel, perkhemahan dan aktiviti luar darjah.

Penolong Setiausaha Kelab Mendaki yang juga ketua pemudah cara YMC, Cik Nur Dian Mohd Rasid, berkata walaupun pihaknya membimbing anggota kelab itu dalam menganjurkan majlis tersebut, kebanyakan kerja usaha mereka sendiri. Antara acaranya ialah persembahan oleh anggota YMC, permainan beramah-tamah dan sesi interaktif.

Pengerusi jawatankuasa penganjur majlis itu, Muhamad Danish Fawaz, berkata pada mulanya agak sukar merancang bagi majlis tersebut kerana terdapat banyak idea daripada anggota.

'Setelah temanya ditetapkan, barulah idea kami fokus,' kata pelajar Raffles Institution berusia 16 tahun itu.

Muhamad Danish menambah peluang menganjurkan acara seperti itu banyak membantunya membina keyakinan dan kemahiran kepimpinan. Aktiviti dan bengkel YMC pula memberinya peluang berkenalan dengan pelajar lain.

'Dengan mengikuti aktiviti YMC secara tidak langsung saya dapat berkenalan dengan pelajar lain daripada pelbagai latar belakang. Ini memudahkan saya lebih memahami dan rasa empati terhadap mereka,' katanya.